

07 OCT 2001
Zainuddin-DAP
ZAM TERKEJUT DENGAN KENYATAAN DAP

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin hari ini melahirkan rasa terkejutnya dengan kenyataan DAP bahawa parti itu terperanjat dengan perisytiharan Malaysia sebagai negara Islam oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata Malaysia tidak boleh dianggap sebagai negara sekular memandangkan tidak ada negara sekular yang meluluskan undang-undang yang berkaitan dengan kepentingan kebajikan dan pembangunan sesuatu agama.

Beliau mengulas kenyataan Setiausaha Agung DAP Kerk Kim Hock yang dilaporkan berkata parti itu dan rakyat Malaysia yang memahami dan menerima sistem sekular dalam Perlembagaan 1957 terkejut dengan kenyataan Perdana Menteri bahawa Malaysia adalah negara Islam.

Zainuddin berkata Malaysia merupakan negara Islam paling moden dan progresif di dunia apabila kalangan bukan Islam sendiri memberikan sokongan dalam Parlimen terhadap kelulusan undang-undang mengenai penubuhan institusi Islam seperti Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa dan Tabung Haji.

Zainuddin berkata tindakan DAP itu menggambarkan seolah-olah selama ini parti itu tidak dapat menerima beberapa undang-undang mengenai Islam yang telah diluluskan oleh Parlimen.

"Adakah DAP selama ini tidak dapat menerima penubuhan Universiti Islam (Antarabangsa), bank Islam dan lain-lain lagi sehingga menyebabkan mereka terkejut apabila Dr Mahathir mengumumkan bahawa Malaysia adalah negara Islam," katanya.

Zainuddin berkata pindaan Perlembagaan juga tidak perlu bagi mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam memandangkan ia telah difahami dan diterima dengan baik oleh kalangan bukan Islam apabila beberapa undang-undang mengenai Islam diluluskan oleh Parlimen.

Pada 29 Sept lepas Dr Mahathir menyahut cabaran Pas dengan mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam.

Jumaat lepas beliau menyatakan bahawa perlembagaan Malaysia tidak perlu dipinda ekoran perisytiharan itu kerana Malaysia sudahpun merupakan negara Islam.

Di MELAKA, Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) Datuk M Kayveas berkata tidak perlu isu negara Islam dibentangkan di Parlimen seperti yang diminta oleh PAS.

"Kita dah merdeka 44 tahun dan semua penduduk hidup aman damai, tidak ada masalah," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perasmian Konvensyen PPP negeri Melaka.

Konvensyen berkenaan dirasmikan oleh Ketua Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam.

Kayveas berkata PPP menyokong penuh pengisytiharan Perdana Menteri mengenai Malaysia sebagai negara Islam dan penganut agama lain bebas menjalankan kegiatan keagamaan mereka.

"PAS sebenarnya sudah tidak ada isu, dan menggunakan negara Islam sebagai isu untuk mereka menarik perhatian rakyat," katanya.

Beliau berkata parti itu sedang merangka program penerangan mengenai isu negara Islam kepada 320,000 anggotanya di seluruh negara di 4,700 cawangannya.

"Tidak ada masalah untuk terangkan negara Islam kepada ahli PPP kerana perlembagaan Malaysia sudah cukup memberikan garis panduan mengenai negara

Islam yang ada dan kita hidup aman damai," katanya.

-- BERNAMA

SBS NMO